

LAMPIRAN 1



KETERANGAN KATEGORI DAN PEMARKAHAN ANUGERAH PELAJAR 2017/2018

**ANUGERAH PELAJAR 2017/2018
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

KATEGORI ANUGERAH BAGI MAJLIS ANUGERAH PELAJAR 2017 / 2018

ANUGERAH UTAMA

Anugerah Kelab Terbaik
Anugerah Tokoh Pelajar UTHM

ANUGERAH KHAS

Anugerah Khas TNC HEPA

KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

1. Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman
2. Anugerah Pemimpin Fakulti/Persatuan/Kelab
3. Anugerah Pemimpin Badan Beruniform
4. Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan
5. Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan
6. Anugerah Pemimpin Program Sains, Teknologi Dan Inovasi
7. Anugerah Pemimpin Program Sukan
8. Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam
9. Anugerah Pemimpin Program Wacana Intelek
10. Anugerah Pemimpin Pelajar Antarabangsa
11. Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Kesejahteraan Komuniti)
12. Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Alam Sekitar)
13. Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Terbuka)
14. Anugerah Program Terbaik (Akademik)
15. Anugerah Program Terbaik (Sukan & Rekreasi)
16. Anugerah Program Terbaik (Khidmat Masyarakat/Sosial/Kebajikan)
17. Anugerah Program Terbaik (Kebudayaan dan Kesenian)

18. Anugerah Program Terbaik (Latihan dan Kepimpinan)
19. Anugerah Program Terbaik (Keusahawanan)
20. Anugerah Program Terbaik (Sains, Teknologi dan Inovasi)
21. Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik
22. Anugerah Pasukan Kebudayaan Terbaik

Keterangan Anugerah Mengikut Kategori Yang Dipertandingkan.

1. **ANUGERAH KELAB TERBAIK** dibuka kepada Kelab/Persatuan (pasukan) yang berdaftar secara rasmi di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dari segi penganjuran program dan pengurusan organisasi.
2. **ANUGERAH PEMIMPIN KOLEJ KEDIAMAN** dibuka kepada pemimpin pelajar kolej kediaman (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi kolej kediaman.
3. **ANUGERAH PEMIMPIN FAKULTI/PERSATUAN/KELAB** dibuka kepada pemimpin pelajar Fakulti/Persatuan/Kelab (individu) yang berdaftar secara rasmi di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi Fakulti/Persatuan/Kelab.
4. **ANUGERAH PEMIMPIN BADAN BERUNIFORM** dibuka kepada pemimpin-pemimpin pelajar badan beruniform (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi badan beruniform.
5. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEUSAHAWANAN** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program keusahawanan berimpak tinggi.
6. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEBUDAYAAN** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program kebudayaan yang berimpak tinggi.

7. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program sains, teknologi dan inovasi berimpak tinggi.
8. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SUKAN** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program sukan berimpak tinggi.
9. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM PENGUCAPAN AWAM** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program Pengucapan Awam seperti debat dan pidato yang berimpak tinggi.
10. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM WACANA INTELEK** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program/ seminar/ persidangan/ konvensyen/ kolokium/simposium berimpak tinggi.
11. **ANUGERAH PEMIMPIN PELAJAR ANTARABANGSA** dibuka kepada pemimpin pelajar antarabangsa (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program berimpak tinggi dan memberi kesan kepada komuniti tempatan.
12. **ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (KESEJAHTERAAN KOMUNITI)** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan terlibat dengan program kesukarelawanan yang menjurus kepada kesejahteraan komuniti berimpak tinggi dan meningkatkan kesedaran atau taraf ekonomi dan sosial masyarakat.
13. **ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (ALAM SEKITAR)** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan terlibat dengan program kesukarelawanan alam sekitar berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada alam sekitar melalui program kesedaran, pemeliharaan dan pemuliharaan bagi menjamin kelestarian alam sekitar.
14. **ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (TERBUKA)** dibuka kepada pemimpin pelajar (individu) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program kesukarelawanan berimpak tinggi.
15. **ANUGERAH PROGRAM TERBAIK (AKADEMIK)** dibuka kepada program anjuran kelab/persatuan/badan uniform/kolej kediaman di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan berimpak tinggi daripada aspek akademik.

16. **ANUGERAH PROGRAM TERBAIK (SUKAN & REKREASI)** dibuka kepada program anjuran kelab/persatuan/badan uniform/kolej kediaman di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan berimpak tinggi daripada aspek sukan atau rekreasi.
17. **ANUGERAH PROGRAM TERBAIK (KHIDMAT MASYARAKAT, SOSIAL & KEBAJIKAN)** dibuka kepada program anjuran kelab/persatuan/badan uniform/kolej kediaman di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan berimpak tinggi daripada aspek khidmat masyarakat, sosial atau kebajikan
18. **ANUGERAH PROGRAM TERBAIK (KEBUDAYAAN & KESENIAN)** dibuka kepada program anjuran kelab/persatuan/badan uniform/kolej kediaman di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan berimpak tinggi daripada aspek kebudayaan atau kesenian.
19. **ANUGERAH PROGRAM TERBAIK (LATIHAN & KEPIMPINAN)** dibuka kepada program anjuran kelab/persatuan/badan uniform/kolej kediaman di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan berimpak tinggi daripada aspek latihan atau kepimpinan.
20. **ANUGERAH PROGRAM TERBAIK (KEUSAHAWANAN)** dibuka kepada program anjuran kelab/persatuan/badan uniform/kolej kediaman di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan berimpak tinggi daripada aspek keusahawanan.
21. **ANUGERAH PROGRAM TERBAIK (SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI)** dibuka kepada program anjuran kelab/persatuan/badan uniform/kolej kediaman di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan berimpak tinggi daripada aspek sains, teknologi atau inovasi.
22. **ANUGERAH PASUKAN SUKARELAWAN TERBAIK** dibuka kepada mana-mana kumpulan/pasukan/badan/kelab sukarelawan (berpasukan) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program kesukarelawanan berimpak tinggi.
23. **ANUGERAH PASUKAN KEBUDAYAAN TERBAIK** dibuka kepada mana-mana kumpulan/pasukan/badan/kelab kebudayaan (berpasukan) di UTHM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program kebudayaan berimpak tinggi.

Pemenang anugerah **(2) hingga (14)** secara **automatik layak bertanding** untuk mendapat **Anugerah Tokoh Pelajar 2017/2018**

KRITERIA PEMARKAHAN:

i- Calon-calun akan dinilai berdasarkan kriteria berikut;

(a)

Kategori Yang Dipertandingkan	
Pengurusan Organisasi	45%
Penglibatan mahasiswa	40%
Pencapaian Akademik	5%
Nilai Tambah	10%
Jumlah keseluruhan	100%

(b)

Kategori Yang Dipertandingkan	
Penglibatan mahasiswa	85%
Pencapaian Akademik	5%
Nilai Tambah	10%
Jumlah keseluruhan	100%

(c)

Kategori Yang Dipertandingkan	
Penglibatan pasukan	90%
Nilai Tambah	10%
Jumlah keseluruhan	100%

ii- Calon akan ditemuduga oleh Panel Penemuduga.